

18/08/1999

JPA serius tangani rasuah kakitangan

KUALA LUMPUR, Selasa - Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang ditubuhkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa memantau kegiatan yang mempunyai kecenderungan ke arah perbuatan rasuah terutama membabitkan kakitangan yang menyandang jawatan berpengaruh atau mempunyai kuasa membuat keputusan.

Pegawai Perhubungan Awam JPA, Hasniah Rashid, berkata kerajaan sentiasa memandang serius masalah rasuah di kalangan kakitangan dan jawatankuasa itu berperanan mengelakkannya kegiatan itu berleluasa.

Katanya, ia selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal tahun lalu yang meminta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta ketua perkhidmatan dan jabatan kerajaan menubuhkan JKP dalam usaha membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam.

Katanya, JKP ditubuhkan bertujuan menangani kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan lain.

"Kerajaan menerima baik cadangan semua pihak yang dapat membantu membaiki lagi prestasi kerja dan menangani pelbagai masalah di kalangan kakitangan kerajaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Berita Harian hari ini mengenai Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengemukakan beberapa syor kepada jabatan kerajaan dan agensinya termasuk mengehadkan jumlah wang saku yang dibawa kakitangan awam ketika bertugas, terutama pegawai penguatkuasa, dalam usaha memerangi rasuah dengan berkesan.

Selain itu, BPR turut mencadangkan satu mekanisme kawalan dalaman yang cekap dan berkesan seperti memantau gaya hidup pegawai, bagi memastikan mereka tidak mengamalkan gaya hidup yang mencurigakan atau melebihi daripada pendapatan serta mengisytiharkan harta masing-masing mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.8 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1999.

Antara ciri-ciri gaya hidup yang dimaksudkan ialah memiliki kereta mewah, rumah besar, peralatan dan perisian rumah yang mahal dan pakaian keluarga yang berjenama.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Manan, berkata pihaknya mengalu-alukan cadangan yang disyorkan BPR itu.

Menurutnya, tindakan seperti itu sepatutnya tidak saja membabitkan pegawai bawahan dan kakitangan pertengahan tetapi mesti merangkumi semua kategori termasuk ketua jabatan dan mereka yang berkuasa untuk meluluskan permohonan sesuatu projek.

(END)